

TARIKH: 15/3/2022
SURAT KHBAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 22

RABU 15 MAC 2023 • SINAR HARIAN

22 | NASIONAL

Carum pekerja umur lebih 60 tahun

la bertujuan untuk perlindungan diri jika berlaku musibah berkait pekerjaan

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
SELAYANG

Kesedaran majikan mencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk pekerja yang sudah melewati usia 61 tahun melayakkan mereka mendapat perlindungan diri.

Atas tanggungjawab itulah, seorang pemandu lori, Lee Eng Dong, 61, yang meninggal dunia akibat kemalangan sewaktu sedang bertugas telah melayakkan balunya, Edna Hipolito Amos, 58 serta empat anaknya menerima bantuan kewangan daripada Perkeso.

Dalam kejadian 15 Februari lalu, kemalangan membabitkan treler dengan Perodua Myvi

dan lori yang dipandu Eng Dong di Kilometer 266.5 Lebuhraya Utara Selatan menyebabkan mangsa tidak sedarkan diri dan dikejarkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh, Perak. Dia disahkan meninggal dunia pada 27 Februari lalu.

Berdasarkan kejadian tersebut, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar menyeru majikan untuk mencarum pekerja yang sudah berusia.

"Di bawah Akta 4, majikan perlu membayar Caruman Jenis Kedua bagi pekerja yang berumur lebih 60 tahun, iaitu sebanyak 1.25 peratus daripada gaji bulanan pekerja untuk perlindungan Skim Bencana Pekerjaan," katanya ketika menziarahi waris Eng Dong di kediaman mereka di Selayang pada Selasa.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Ketua Bahagian Sinergi, Rahmat Ismail dan Pengarah Perkeso Kuala Lumpur, Asri Ngosman.

Di bawah skim tersebut,



Sivakumar (kiri) menyerahkan faedah Perkeso kepada balu mendiang Eng Dong ketika menziarahi keluarga berkenaan di Selayang pada Selasa.

balu dan anak mendiang Eng Dong yang berusia bawah 21 tahun layak menerima Faedah Orang Tanggungan sebanyak RM3,735 sebulan.

Dalam pada itu, Sivakumar menasihatkan majikan dan

pekerja untuk membudayakan amalan pencegahan kemalangan di tempat kerja mahupun di jalan raya kerana 45.7 peratus daripada 70,948 kes yang dilaporkan kepada Perkeso ialah melibatkan

kemalangan jalan raya.

"Dalam tempoh tersebut, 70 peratus (651 kes) daripada 929 kemalangan maut melibatkan pekerja yang dalam perjalanan atau berulang-alik ke tempat kerja," katanya.